

Air pasang besar landa Sarawak 16 November ini

KUCHING - Persiapan Sarawak untuk menghadapi banjir akan teruji 16 November ini apabila air pasang besar dijangka berlaku di negeri ini.

Menteri Kebajikan, Wanita dan Pembangunan Keluarga negeri, Datuk Fatimah Abdullah berkata, beberapa kawasan rendah mungkin dinaiki air sekiranya terdapat hujan ketika berlaku air pasang besar yang dijangka berterusan hingga 18 November.

"Kami bukan hanya bersedia menghadapi kemungkinan ini tetapi juga musim hujan akan datang yang sepatutnya bermula sekarang hingga Januari tahun depan," katanya selepas menerima kunjungan hormat anggota Ke-

lab Penyokong Kerajaan Barisan Nasional Sarawak di pejabatnya di sini.

Fatimah berkata, persiapan kementerian itu tahun ini lebih menyeluruh setelah mengambil kira pengalaman yang dilaluinya tahun lepas.

Katanya, antara persiapan yang dibuat adalah memilih pusat penempatan di kawasan lebih strategik dan menambah jumlah pangkalan hadapan yang berperanan sebagai tempat menyimpan barang keperluan untuk diagih kepada mangsa banjir.

Fatimah berkata, sebuah pasukan petugas kaunseling juga ditubuhkan untuk membantu mangsa yang hilang tempat tinggal akibat banjir. - Bernama



FATIMAH